

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA
BIL. 1/2009

Tarikh : 11 Mei 2009.
Masa : 9.30 pagi.
Tempat : Bilik Mesyuarat,
Pejabat Pelabuhan Sg. Udang,
Melaka.

Senarai Kehadiran:

- | | | |
|-----|---------------------------------|--|
| 1. | Dato' Kapt. Ahmad bin Othman | Ketua Pengarah Laut
(Pengerusi) |
| 2. | Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail | Pengarah Bahagian
Kawalan Industri |
| 3. | En. Muhammad Razif bin Ahmad | Wakil Pengarah Bahagian Hal
Ehwal Pelaut dan Pelabuhan |
| 4. | En. Khairudin bin Abbas | Timbalan Wakil Pengurusan
Kualiti/Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan |
| 5. | En. Zulkurnain bin Ayub | Pengarah Institut Latihan
Pentadbiran & Pengurusan
Pengangkutan Laut |
| 6. | En. Roslee bin Mat Yusof | Pengarah Laut Wilayah
Utara |
| 7. | En. Hazman bin Hussein | Pengarah Laut Wilayah
Tengah |
| 8. | En. Rosnan bin Fathlul | Pengarah Laut Wilayah Selatan |
| 9. | Hj. Rossid bin Musa | Pengarah Laut Wilayah Timur |
| 10. | En. Benjamin Bernard Bijion | Pengarah Laut Wilayah
Persekutuan Labuan & Laut
China Selatan |
| 11. | En. Wan Zainolldin bin Wan Musa | Pengarah Laut Sarawak |
| 12. | En. Yusnan Abdul Rani | Urusetia |

1. Perutusan Pengerusi.

1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah serta wakil ke mesyuarat ini.

1.2 Tuan Pengerusi juga memohon maaf kerana menangguhkan mesyuarat beberapa kali kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

1.3 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa Jabatan sedang dalam proses untuk menukar sistem ISO 9001:2000 kepada versi 2008.

1.4 Kursus Awareness dan Bengkel telah diadakan pada 30 dan 31 Mac 2009 serta 14 dan 15 April 2009 masing-masing.

1.5 Versi 2008 akan menggunakan dokumen/prosedur dalam bentuk softcopy dan hanya satu salinan akan dicetak untuk rekod. Semua prosedur akan diletakkan di dalam laman JALIN.

1.6 Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada pihak LRQA.

2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.

2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 1/2008.

3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 1/2008 yang telah diadakan pada 5 Mei 2008 disahkan tanpa pindaan.

4. Perkara-perkara Berbangkit.

4.1 Dua latihan berteraskan aktiviti pendaftaran kapal telah diadakan 2 kali di Jabatan Laut Wilayah Utara dan Wilayah Tengah pada tahun 2008 dalam bentuk Bengkel Familiarisasi. Dalam tahun 2007, 2 kursus di peringkat nasional telah diadakan di Terengganu dan Jabatan Laut Sabah.

4.2 Untuk pengunjuran latihan untuk tahun seterusnya, perkara ini telah dipusatkan selaras dengan penubuhan ILPPPL. Unit Pendaftaran kapal telah mengemukakan silibus pembelajaran untuk kursus Pendaftaran Kapal yang merangkumi semua jenis pendaftaran yang dikendalikan oleh Jabatan dan jadual pengunjuran kursus adalah tertakluk kepada perancangan ILPPPL mengikut keperluan.

Tindakan: Makluman.

- 4.3 Kelewatan memproses permohonan pendaftaran kapal adalah disebabkan oleh kelewatan pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap khususnya dokumen pembatalan pendaftaran dari pelabuhan sebelumnya. Kertas kerja sedang disediakan untuk membangunkan sistem aplikasi Buku Daftar Kapal dalam memastikan aspek integriti, sekuriti dan perundangan dipandang serius dan lebih terkawal.
- 4.4 Mesyuarat mencadangkan supaya diadakan bengkel dengan semua Pendaftar Kapal bagi membincangkan berkenaan dengan tandatangan *mortgage form* untuk meningkatkan proses pendaftaran kapal.

Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.

- 4.5 Sistem SDPX masih dalam pembangunan dimana tidak melibatkan proses penghantaran dokumen permohonan dari pejabat pelabuhan ke Ibu Pejabat. Permohonan yang dimajukan ke Ibu Pejabat adalah secara dalam talian (online) termasuk salinan sijil yang telah diimbas untuk tujuan *archive*. Penghantaran dokumen masih diperlukan kerana cetakan dokumen hanya dibuat di Ibu Pejabat sahaja. COC dan COR akan dipos ke pejabat pelabuhan yang dipilih oleh pemohon. Proses ini akan dipantau selepas SDPX berjalan.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

5. Laporan Audit Kualiti Dalam.

5.1 Mesyuarat dimaklumkan jadual audit kualiti dalaman telah disediakan. Perancangan audit kualiti dalaman akan dilaksanakan pada bulan Mac, Mei dan November bagi tahun 2009. Pelantikan juruaudit juga telah dibuat dan tarikh cadangan adalah pada 3 – 5 Mac 2009.

5.2 Ringkasan hasil audit dalaman adalah seperti berikut:

Lokasi	Tarikh Audit	Ketakakuran
Persijilan Pelaut (IPL)	25.3.09	3 P
Pemaliman (IPL)	26.3.09	3 Mnr.; 2 P
Pendaftaran Kapal (IPL)	25.3.09	Tiada
Pendaftaran Kapal (JLWT)	18.3.09	4 P
Persijilan Pelaut (JLWT)	19.3.09	5 P
Persijilan Pelaut (Labuan)	03.3.09	4 P
Persijilan Pelaut (K. Perlis)	11.3.09	3 Mnr.; 2 P
Persijilan Pelaut (Kuah)	12.3.09	2 Mnr.; 3 P
Persijilan Pelaut (Bintulu)	30.4.09	2 P
Persijilan Pelaut (Miri)	29.4.09	5 P

Mnr. = Minor; P = Pemerhatian.

5.3 Kesemua ketakakuran tersebut masih belum ditutup kecuali Kuala Perlis dan Bintulu. Tuan Pengerusi meminta supaya semua Pengarah Wilayah

mengambil tindakan segera supaya ketakakuran dapat ditutup dengan kadar segera.

Tindakan: Pengarah Wilayah.

6. Laporan Audit Kualiti Luaran

6.1 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa audit kualiti luaran telah dilaksanakan pada 16 – 18 Disember 2008. Pejabat pelabuhan yang terlibat adalah:

- (a) Pejabat Pelabuhan Lumut – Persijilan Pelaut (16.12.08)
- (b) Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang – Persijilan Pelaut (17.12.08)
Pejabat Wilayah Utara, Gelugor – Pendaftaran Kapal (17.12.08)
- (c) Ibu Pejabat Laut – (18.12.08)

6.2 Pejabat Pelabuhan Lumut.

- (a) Pemerhatian (RC) – 0812CKF01

Ketakakuran berkenaan dengan perjanjian anak kapal Low Kim Chuan (No. Rasmi 329138) dan Bongawan (No. Rasmi 332503) yang masih belum dihantar ke IPL. Perkara ini tidak mematuhi prosedur PT-HEPP-06.

Tindakan: Pengarah Laut Wilayah Utara.

6.3 Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang.

- (a) Pemerhatian (RC) – 0812CKF02

Borang Penerimaan Perakuan Pengiktirafan (Lampiran 4) tidak dilengkapkan dan dihantar ke IPL bagi Firdaus Ginting (No. Perakuan 007256E11) dan Gotman (No. Perakuan 007261E111). Perkara ini tidak mematuhi proses kerja 6.3.3 PT-HEPP-04.

Tindakan: Pengarah Laut Wilayah Utara.

6.4 Ibu Pejabat Laut.

- (a) Pemerhatian (RC) – 0812CKF03

Ketakakuran audit kualiti dalaman yang dibangkitkan di Pejabat Pelabuhan Kuala Perlis, Kuah, Bintulu dan Miri pada 10 Mac, 12 Mac, 21 Mei dan 22 Mei 2008 masih belum diambil tindakan pembetulan oleh pejabat pelabuhan yang berkenaan dan masih belum ditutup semasa auditan oleh pihak LRQA.

Tindakan: Pengarah Laut Wilayah Utara/Pengarah Laut Sarawak/Urusetia.

- (b) Pemerhatian (RC) – 0812CKF04

Tiada maklumbalas pelanggan diperolehi oleh Unit Hidrografi, Bahagian Keselamatan Pelayaran. Mengikut keperluan ISO9001:2000, perenggan 8.2.1 Unit/Jabatan perlu menentukan kepuasan pelanggan. Unit yang berkenaan perlu follow-up dengan pelanggan jika tiada sebarang maklumbalas diterima dari pelanggan.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

- (c) Pemerhatian (RC) – 0812CKF04.

Perubahan dalam memaklumkan penangguhan di dalam jadual audit ISM berkuatkuasa 1 April 2008 tidak dimasukkan ke dalam PT-BKI-XX. Pihak LRQA akan follow-up pada audit yang akan datang.

Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.

- 6.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa auditan seterusnya (SV5) akan dijalankan pada 15 – 17 Jun 2009. Pejabat Pelabuhan yang terlibat adalah Bintulu, Miri dan IPL. Tuan Pengerusi meminta supaya pejabat yang terlibat bersedia dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan auditan seterusnya berjalan lancar dan tidak menerima ketakakuran dari LRQA.

Tindakan: Makluman.

7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.

7.1 Bahagian Kawalan Industri.

7.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal – Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan Januari hingga Februari 2009 adalah tercapai. Sehingga bulan Februari 2009 sebanyak 32 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan daftar iaitu Port Kelang, Penang, Kuching dan Kota Kinabalu.

7.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM – Unit ISM tidak mengemukakan pencapaian objektif kualiti bagi tahun 2009. Pengerusi meminta supaya unit tersebut memberikan laporan dengan kadar segera. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 5 syarikat tidak mencapai objektif kualiti menjalankan audit dalam tempoh 30 hari selepas tarikh permohonan. Ini adalah kerana perubahan disaat akhir oleh syarikat dan juga kekurangan dokumen.

Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.

7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

7.2.1 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima – sebanyak 1,586 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 749 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi tahun 2008. Objektif kualiti tercapai.

7.2.2 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun – sebanyak 102 peperiksaan bahagian dek dan 74 peperiksaan bahagian enjin telah diadakan bagi tahun 2008 dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

Tindakan: Makluman.

7.2.3 Mengeluarkan sijil kecekapan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan diterima – sejumlah 3,011 permohonan diterima bagi tahun 2008. Sebanyak 340 sijil kecekapan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari. Peratus pencapaian adalah 88.71%. Objektif kualiti tidak tercapai kerana tempoh penghantaran dokumen adalah terlalu bergantung kepada sistem sokongan dari sistem penghantaran melalui pos dan juga terdapat permohonan yang tidak lengkap.

7.2.4 Mengeluarkan Sijil Kursus Modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 8,578 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 7,687 sijil dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja manakala 891 sijil dikeluarkan melebihi tempoh tersebut. Peratus pencapaian adalah 89.61%. Ini adalah kerana:

- a. permohonan untuk data yang dihantar tidak mempunyai nombor pendaftaran pelaut atau data dihantar tidak lengkap.
- b. pihak sekolah lewat menghantar laporan pengesahan kehadiran kepada pejabat pelabuhan.

7.2.5 Tuan Pengerusi meminta supaya aktiviti yang tidak mencapai objektif kualiti dikaji semula dan buat pindaan objektif kualiti jika perlu.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

7.3.1 Memastikan keberkesanan alat bantuan pelayaran iaitu 'availability/reliability' mencapai tahap mengikut panduan *International Association of Lighthouse Authorities (IALA)*. Objektif kualiti adalah tercapai.

- a. faktor ketersediaan bagi 11 rumah api di Semenanjung Malaysia adalah 100%.
- b. faktor ketersediaan bagi 49 tandarah suar yang terdapat di Wilayah Tengah ialah 100%.
- c. faktor ketersediaan bagi 64 buah pelampung yang ditempatkan di Wilayah Tengah ialah 99.97%.

7.3.2 Sistem Keselamatan Alur Pelayaran – Projek Pengerukan yang sedang dilaksanakan adalah pengerukan kuala Sungai Setiawan. Status projek adalah ikut jadual. Pengerukan di Kuala Kedah dan Muar telah siap. Semua kontraktor bagi projek pengerukan tersebut adalah MMDC.

7.3.3 Bagi kerja ukur hidrografi, kerja lapangan sedang dijalankan di Sg. Batu Pahat. Manakala kerja lapangan di Sg. Melaka dan Muar telah siap dan dalam proses pemerosesan data.

7.3.4 Tuan Pengerusi meminta supaya objektif kualiti bagi aktiviti unit hidrografi dikaji semula kerana mendapati objektif kualiti sedia ada tidak tepat dan tidak dapat menilai prestasi dengan baik.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8. Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.

8.1 Bahagian Kawalan Industri.

8.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, sebanyak 22 borang maklumbalas telah diterima bagi tempoh Januari 2009 hingga Februari 2009. Secara keseluruhannya maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Tiada cadangan diterima dari pelanggan.

8.1.2 Terdapat 5 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh Januari hingga Mac 2009. Secara keseluruhannya maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Tiada aduan atau cadangan diterima.

Tindakan: Makluman.

8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

8.2.1 Sebanyak 53 borang maklumbalas telah diterima dari pejabat-pejabat pelabuhan bagi tahun 2008. Terdapat beberapa cadangan dari pelanggan iaitu:

- a. mengganti kerusi menunggu di pejabat pelabuhan K. Perlis.
- b. menyediakan bahan bacaan atau maklumat terkini JLSM.
- c. disediakan mesin fotokopi di pejabat Dayabumi.

d. disediakan mesin minuman di Wisma Pelaut.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

8.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8.3.1 Tiada maklumbalas pelanggan diterima bagi aktiviti pengerukan dan ukur hidrografi.

8.3.2 Sebanyak 74 borang maklumbalas diterima oleh aktiviti Pemaliman. Tiada maklumbalas yang tidak puas hati diterima dan tiada cadangan atau aduan diterima.

Tindakan: Makluman.

9. HAL-HAL LAIN.

9.1 Mesyuarat bersetuju supaya pindaan kepada prosedur yang baru perlu mengambil kira keperluan MSO 1952 dan MSO 1960. Ini supaya Jabatan Laut Sabah dan Sarawak dapat melaksanakan proses kerja dengan sempurna dan tidak bercanggah dengan perundangan masing-masing.

Tindakan: Semua Pemilik Proses.

9.2 Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Laut Sarawak mencetak sendiri buku pelaut. Sebelum ini buku pelaut dibeli dari KWPPPL.

Tindakan: Makluman.

9.3 Pengarah ILPPPL memaklumkan bahawa ILPPPL merancang untuk mengadakan proses ISO bagi proses pengendalian kursus.

Tindakan: Makluman.

9.4 Pengarah Laut Wilayah Timur memaklumkan ada maklumbalas tentang kualiti kad pelaut yang mana kualiti gambar yang dicetak tidak memuaskan. Pengarah Bahagian HEPP memaklumkan masalah tersebut akan dapat diatasi melalui sistem SDPX. Pelaut boleh menukar kad yang lama kepada kad yang baru tanpa caj.

Tindakan: Makluman.

10. Penutup.

Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekali lagi beliau meminta supaya semua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya sistem kualiti jabatan berada pada tahap yang tinggi. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari.